

KEKANGAN PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN KURIKULUM BERSEPADU DINI DAN KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ

Dr. Nursafra Mohd Zhaffar
nursafra@uitm.edu.my

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau

Wan Ali Akbar Wan Abdullah
wanaliakbar.kpm@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Norasmahani Nor
norasmahaninor@gmail.com
SMKA Maahad Hamidiah, Kajang

Nor Anisa Musa
noranisamusa87@gmail.com
Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr. Mohd Syaubari Othman
syaubari@gmail.com
Pejabat Pendidikan Daerah Manjung

ABSTRAK

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem pengajaran dan pembelajaran Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) selari dengan matlamat utamanya iaitu mahu melahirkan murid yang seimbang dan cemerlang berasaskan ‘aqli dan naqli bagi menyediakan bakal ulama dan agamawan *muthaqqaf*. Hal ini kerana keupayaan mengaitkan ‘aqli dan naqli memerlukan ketrampilan kognitif berupa kekuatan daya fikir yang fleksibel. Namun, KBD dan KBT adalah kurikulum yang baru diangkat sebagai kurikulum kebangsaan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka kekangan-kekangan yang dialami oleh para guru dalam menjalankan pengajaran berasaskan KBAT dalam kurikulum KBD/KBT. Kajian ini berbentuk kajian kes kualitatif dijalankan ke atas sekelompok lapan orang pakar yang terlibat secara langsung dalam sistem KBD/KBT. Data dikutip menggunakan temu bual mendalam dan dianalisis secara bertema. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima kekangan utama yang dihadapi oleh para guru iaitu berkaitan dengan penguasaan Bahasa Arab, kefahaman untuk aplikasi KBAT, pengetahuan tentang pedagogi, penguasaan isi kandungan dan faktor kesediaan murid. Kajian ini diharapkan dapat memberi cadangan kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dari aspek pemerkasaan keberkesanan pengajaran KBAT dalam KBD dan KBT di Malaysia.

Kata kunci: KBAT, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), Pengajaran dan Pembelajaran, Kekangan.

Pengenalan

Kemampuan berfikir secara aras tinggi menjadi unsur penting bagi mendepani cabaran abad ke-21 kini. Tambahan pula, dunia tanpa sempadan dari aspek capaian maklumat pada hari ini memerlukan kita menyaring dan mengolah maklumat yang diterima sebelum boleh digunakan atau disebarluas. Jika semua maklumat yang disajikan di hadapan kita diambil peduli, maka fenomena negatif ‘lebih muatan maklumat’ seperti kecewa, lemah semangat dan fikiran kacau bilau boleh berlaku lantaran lambakan maklumat yang rencam. Ini disebabkan maklumat yang dilihat saling bertentangan, tidak bermakna malah menimbulkan kekeliruan (Mohd Sani, 2009; Wan Mohd Nor, 2007). Justeru, keadaan ini menuntut kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) diaplikasi dalam kehidupan seharian.

Seiring dengan keperluan semasa, sistem pendidikan di Malaysia turut menyarankan agar KBAT dibekalkan kepada para murid menerusi penerapannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan menerusi penerapan KBAT di bilik darjah ini membantu murid meneroka makna sesuatu konsep yang dipelajari secara kreatif dan kritis untuk kegunaan diri sendiri mahupun sumbangan pada peringkat masyarakat (Suhailah, 2007). Begitu juga kepentingan penerapan dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Malaysia.

KBD dan KBT adalah kurikulum yang telah diangkat sebagai kurikulum kebangsaan bermula pada tahun 2015. Pada masa ini, terdapat 31 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang menjalankan program tahfiz. Berdasarkan jumlah tersebut, 15 buah sekolah daripadanya menjalankan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), termasuk di empat buah Sekolah Berasrama Penuh.

Kurikulum Bersepadu Dini pula ditawarkan di 180 SABK seluruh negara. Sekolah-sekolah yang melaksanakan kurikulum Dini ini perlu melaksanakan secara keseluruhan mata pelajaran mengikut pakej-pakej yang telah ditetapkan. Mata pelajaran yang ditawarkan dalam KBD dan KBT ialah i) *Al-Lughah al-Arabiyyah al-Muasiroh* (LAM), ii) Usuluddin, iii) Syariah, iv) *Manahij al-Ulum al-Islamiyah*, v) *Al-Adab wa al-Balaghah* serta mata pelajaran Tahfiz bagi sekolah aliran tahfiz. Kesemua mata pelajaran ini menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran (Bahagian Pendidikan Islam, 2015).

Latar Belakang Masalah

Kemahiran berfikir aras tinggi tidak diajar secara langsung dalam mata pelajaran KBD/KBT di peringkat sekolah menengah. Sebaliknya, ia ditekankan secara penyebatian atau penerapan menerusi kandungan pelajaran subjek terlibat di bawah kurikulum ini daripada Tingkatan 1 hingga ke Tingkatan 5. Dalam kurikulum ini, terdapat keperluan untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan matlamat utama pelaksanaan KBD iaitu mahu melahirkan murid yang seimbang dan cemerlang berasaskan ‘*aqli* dan *naqli* bagi menyediakan bakal ulama dan agamawan *muthaqqaf* (BPI, 2015). Keupayaan mengaitkan antara ‘*aqli* dan *naqli* adalah proses berterusan yang boleh dilatih melalui kandungan pelajaran dengan disiplin ilmu lain mahupun konteks kehidupan harian. Latihan ini memerlukan ketramplinan kognitif (*cognitive competence*); kekuatan daya fikir yang fleksibel dalam memerhati dan mengiktiraf realiti sekeliling serta menyesuaikan diri menghadapinya.

Maka, mata pelajaran KBD/KBT tidak boleh hanya ditumpukan kepada pemindahan

maklumat dan hafalan kerana kaedah ini tidak mampu mengembangkan daya fikir murid. Ilmu itu hakikatnya bukan hanya dilihat kepada fakta dan teori sahaja, akan tetapi kebolehupayaannya untuk diaplikasi dalam kehidupan. Hal ini adalah kerana pembelajaran itu merupakan proses bertahap yang memerlukan penguasaan ilmu yang tidak memadai hanya kefahaman konsep semata-mata, namun berkeupayaan untuk diaplikasi, dianalisis dan dinilai sehingga mampu menghasilkan suatu makna yang baru (Norasmahani et.al, 2015). Kemahiran ini dapat membantu murid memahami, mengaplikasi dan menguasai pembelajaran dengan menilai, meneliti ketepatan, kebaikan dan kelemahan serta membuat pertimbangan berdasarkan alasan dan bukti yang munasabah.

Justeru, corak pengajaran KBD/KBT harus bersifat kritis dan kreatif; memberi ruang untuk mengembangkan daya fikir murid kerana potensinya dalam mengubah sikap dan pendirian murid ke arah menjadi insan soleh. Tambahan pula, guru agama berfungsi bukan sahaja untuk menghasilkan murid berpengetahuan dan berkemahiran, namun menjangkau kepada pembentukan akhlak mulia dalam kalangan murid (Ab. Halim 2015; Ab. Halim 2016; Rosnani Hashim et al. 2014).

Objektif Dan Persoalan Kajian

Bagi memperkasakan kualiti pengajaran berasaskan KBAT dalam KBD/KBT, maka kekangan yang dihadapi guru perlu diberi perhatian untuk langkah mengatasinya. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka kekangan yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran KBD/KBT. Persoalan kajian yang ingin dijawab ialah apakah masalah atau kekangan yang dihadapi oleh para guru untuk melaksanakan penerapan KBAT dalam pengajaran?

Metodologi

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif. Temu bual mendalam dijalankan bertujuan untuk meneroka kefahaman daripada peserta kajian mengenai isu-isu yang dihadapi oleh para guru dalam usaha menerapkan KBAT dalam pengajaran. Seramai 8 orang pakar yang dipilih sebagai peserta kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Merriam (2009) mencadangkan agar penggunaan teknik persampelan bertujuan dimulakan dengan mengenal pasti kriteria utama dalam pemilihan peserta. Oleh yang demikian, peserta kajian ini dipilih berdasarkan kriteria, iaitu i) terlibat secara langsung dalam KBD/KBT (sama ada sebagai penggubal kurikulum, pensyarah yang memberi latihan kepada guru KBD/KBT, atau penulis buku teks yang menjadi rujukan dalam sistem KBD/KBT), ii) berkhidmat melebihi 10 tahun, iii) mudah didekati. Demografi lapan peserta kajian tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Demografi Peserta Kualitatif

Bil.	Perkara	Demografi	Bilangan	Jumlah
1	Peranan	Penggubal KBD/KBT	3	
		Pelatih guru KBD/KBT	3	8
		Penulis buku teks	2	
2	Kelayakan	PhD	5	
		Sarjana	3	8
3	Pekerjaan	Pensyarah IPT/IPG	4	
		Pegawai KPM	2	8
		Guru	2	

Kajian ini telah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala, kesemua peserta kajian memberikan persetujuan dan kerelaan menjadi peserta kajian. Disebabkan kajian ini berlangsung semasa musim pandemik Covid-19 melanda negara dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan dari kerajaan, maka pengumpulan data temubual ini dijalankan sepenuhnya secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Temu bual ini dirakam dan kemudian rakaman ini dipindahkan ke dalam bentuk transkrip verbatim untuk dianalisis.

Data temubual dianalisis secara bertema. Tema-tema utama diketengahkan bagi menjawab persoalan kajian. Kaedah perbandingan berterusan (*constant comparison*) juga digunakan. Perbandingan ini dibuat terhadap data kajian antara peserta kajian pada sesi temu bual berbeza untuk mengenalpasti pola persamaan dan perbezaan dalam data (Strauss & Corbin, 1998). Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data, pengkaji menjalankan proses *member checks* bersama peserta kajian. Strategi ini dilakukan melalui pengesahan peserta kajian terhadap tafsiran dan rumusan maksud terhadap data yang diperoleh daripada mereka. Hal ini bagi mengelakkan pengkaji melaporkan penemuan bertentangan daripada maksud asal peserta kajian terbabit.

Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, terdapat lima masalah atau kekangan utama yang menjelaskan pelaksanaan penerapan KBAT oleh para guru dalam pengajaran KBD/KBT iaitu meliputi kelemahan penguasaan Bahasa Arab, kurang mahir untuk mengaplikasikan KBAT, kurang pendedahan pedagogi, kurang penguasaan isi kandungan kurikulum dan kesediaan murid.

Penguasaan Bahasa Arab

Masalah utama adalah berkaitan dengan kelemahan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan guru dan murid. Majoriti peserta kajian berpandangan bahawa keadaan guru yang kurang mahir menggunakan Bahasa Arab menjadi masalah utama untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran. Terdapat segelintir guru yang mengakui kurang mahir menggunakan Bahasa Arab untuk bertutur di bilik darjah. Keadaan ini timbul kerana dua sebab, iaitu; i) kurang menggunakan bahasa Arab dalam pertuturan harian, dan ii) kurang yakin menggunakan bahasa Arab dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Isu kurang keyakinan di pihak guru ini disebabkan oleh faktor latar belakang pendidikan guru dan kategori guru yang baru memulakan perkhidmatan. Hal ini sama seperti yang diutarakan oleh pakar, Ustaz M, “*Isu bahasa pun ada. Ada sebahagian guru-guru ni mengadu... mungkin mereka sebelum ini tidak pernah mengajar dalam Bahasa Arab. Dan ijazah atau*

pendidikan mereka sekadar pengajian Islam secara umum sahaja.” Akibatnya, aplikasi KBAT tidak dapat berlangsung dengan baik kerana masalah ini.

Kekangan penggunaan Bahasa Arab pula dinyatakan oleh Dr. J, “*Guru-guru ada masalah dengan penguasaan Bahasa Arab mereka, sedangkan instruction itu perlu berlaku dalam Bahasa Arab. Bagaimana mahu merangsang pemikiran murid kepada aras tinggi? Mudahnya mesti ada timbal balas. Pihak murid juga perlu kepada penguasaan Bahasa.*” Peserta kajian menjelaskan bahawa murid-murid yang lemah penguasaan Bahasa Arab ini memberi kesan kepada pengetahuan asas mereka dalam subjek yang dipelajari. Tanpa pengetahuan asas ini, rangsangan KBAT yang guru jalankan kurang mendapat respons daripada murid. Keadaan ini mengganggu minat murid terhadap subjek, apatah lagi jika digesa untuk berfikir lebih mendalam berkenaan kandungan pelajaran. Guru mengakui bahawa murid bukan sahaja bermasalah untuk berkomunikasi dengan guru dalam bahasa Arab, bahkan mengharapkan guru untuk menterjemahkan setiap perkataan dalam buku teks sebagai langkah untuk memahami isi kandungan pelajaran.

Aplikasi KBAT

Masalah kedua adalah berkaitan dengan kurang kemahiran untuk mengaplikasikan KBAT. Kebanyakan peserta kajian berpandangan bahawa sistem KBD dan KBT ini masih baru. Keadaan ini menyebabkan kurang panduan mengenai KBAT secara khusus berdasarkan disiplin ilmu KBD dan KBT didedahkan. Mereka mengharapkan ada panduan seperti perkongsian pengalaman mengenai aplikasi KBAT sama ada berbentuk rujukan pedagogi KBAT, instrumen, item soalan, bahan bantu mengajar (BBM) dan sebagainya. Ada juga guru yang mengaitkan aplikasi KBAT ini dengan kaedah penyoalan. Menurut peserta kajian, para guru kurang didedahkan dengan kaedah penyoalan bagi merangsang pemikiran aras tinggi murid dalam sistem KBD/KBT.

Walau bagaimanapun, bagi Dr. P, sebenarnya sebahagian guru telah mengaplikasikan KBAT, namun mereka melakukannya tanpa sedar. Jelas Dr. P, “*Selama ini kita (guru) mengajar je. Waktu mengajar itu ada kita lakukan proses analisis tentu ada untuk lahirkan anak murid yang hifz al-Quran perlu ada analisis, penilaian, perlu ada rekacipta. Tapi proses itu berlaku tanpa kita sedar. Kita tak pernah bincang (dalam kelas) yang aku buat tadi itulah proses KBAT.*”

Pengetahuan Pedagogi

Selain itu, peserta kajian menyatakan para guru kekurangan pengetahuan tentang pedagogi. Bagi mereka, kaedah pedagogi yang berkesan diperlukan untuk menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif. Keadaan ini berlaku kerana guru terikat dengan gaya pengajaran guru mereka dahulu semasa zaman mereka belajar. Hal ini dijelaskan oleh Dr. H, “*Guru agama ni terhad kepada kaedah pondok terutamanya yang biasa dengan (pembelajaran) kitab-kitab ataupun kaedah terjemah... Bila terikat dengan kaedah teacher-centered, maka peluang kepada murid untuk tunjukkan kreativiti pemikiran kurang.*”

Peserta kajian menjelaskan para guru mengakui mereka masih belum memahami dengan baik keperluan atau kepentingan penerapan KBAT dalam pengajaran. Dapatan ini selari dengan pandangan Dr. P iaitu persepsi guru yang melihat tiada kepentingan unsur KBAT dalam hifz al-Quran boleh menjadi kekangan kepada penerapan tersebut, “*Pada mereka (guru), dia tak pernah dengar istilah di sana ada unsur KBAT. Mana mungkin ustaz pada kami hifz al-Quran itu pada nature nya untuk hafaz... Ada aras (berfikir) yang paling tinggi untuk penghasilan murid yang*

hifz al-Quran.” Kefahaman tentang KBAT, keperluan serta kaedah menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran boleh didedahkan kepada para guru melalui latihan pedagogi yang bekesan.

Penguasaan Isi Kandungan Pelajaran

Masalah berikutnya adalah berkaitan guru yang kurang menguasai isi kandungan pelajaran. Peserta kajian berpendapat kekurangan ilmu dalam sesuatu topik atau isu menghalang perbincangan mendalam dan kritis. Hal ini diakui oleh pakar iaitu Ustaz M, “Sebelum KBAT tu, bahan dalam buku tu kena faham dulu! Terutamanya tajuk Syariah. Kalau tajuk Syariah tu, kalau sekadar tahu Bahasa Arab tapi tidak faham tentang permasalahan tu, takkan selesai.”

Isu mengenai penguasaan isi kandungan pelajaran ini mempunyai beberapa punca, antaranya seperti yang didedahkan oleh para guru; i) guru bukan bidang yang mengajar subjek tertentu dalam KBD/KBT, ii) kekangan masa menyebabkan guru tidak berkesempatan mendalami sesuatu ilmu yang ingin diajarkannya secara mendalam, iii) kandungan pelajaran KBD/KBT yang terlalu tinggi, dan iv) penggunaan laras bahasa yang tinggi dalam buku teks. Keadaan ini menyebabkan kandungan tersebut sukar diterangkan kepada murid secara meluas.

Kesediaan Murid

Kekangan seterusnya yang dihadapi oleh para guru untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran ialah bersangkutan dengan murid. Murid-murid yang tidak bersedia dengan maklumat awal mengenai topik yang dibincangkan menjadi penghalang kepada guru untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran. Apabila murid tidak bersedia, maka aktiviti dalam kelas kurang mendapat sambutan aktif kerana murid tiada pengetahuan asas. Situasi ini turut terkait dengan kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid. Selain itu, tumpuan murid diberikan kepada isi kandungan buku teks sahaja sehingga sukar untuk diajak berfikir di luar kotak.

Kesimpulannya, lima masalah telah dikenal pasti menjadi penghalang kepada amalan KBAT dalam PdP. Lima masalah ini, empat daripadanya datang daripada diri guru, manakala dua masalah pula berpunca daripada murid. Isu penguasaan bahasa Arab pula menjadi masalah yang dihadapi oleh kedua-dua belah pihak. Ringkasnya dapat difahami melalui rajah di bawah:



Rajah 1: Masalah Penerapan KBAT

Perbincangan

Isu penguasaan Bahasa Arab menjadi kekangan utama untuk menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran KBD/KBT. Dapatkan ini selari dengan kajian Kamarulzaman et. al (2018) yang mendapati persekitaran komunikasi Bahasa Arab di SABK berada pada tahap kurang memberangsangkan. Justeru, kelemahan dari aspek bahasa boleh menjadi satu faktor halangan disebabkan bahasa adalah medium untuk menggerakkan kefahaman dan rasional seseorang terhadap sesuatu perkara (Haddad, 1974; Fisher, 2007) di mana elemen ini perlu untuk menjana pemikiran aras tinggi. Halangan kemahiran berbahasa Arab sama ada dari pihak guru atau murid boleh memberikan kesan kepada kefahaman konsep asas kandungan pelajaran.

Tanpa penguasaan konsep asas, sukar bagi guru untuk merangsang KBAT murid di bilik darjah. Ini kerana kefahaman murid terhadap konsep asas menjadi bahan berfikir yang bakal diadun, digabung jalin dan dianalisa bagi mendapatkan kefahaman baru hasil daripada daya fikir tersebut. Perkara yang sama berlaku kepada para guru. Para guru perlu menguasai kandungan pelajaran dengan baik bahkan merangkumi ilmu-ilmu lain yang bersangkutan dengan gannya. Penguasaan ilmu yang meluas dan mendalam ini dapat mendorong guru mencipta suasana kelas yang kaya dengan maklumat. Maka, dalam situasi rangsangan begini, murid-murid dapat melihat dan terlibat bersama-sama guru mereka untuk mengatur dan menggunakan sesuatu ilmu atau maklumat asas ke dalam konteks berbeza. Proses berfikir yang aktif dalam proses PdP boleh menyumbang kepada keberkesanan pelajaran.

Pada pandangan pengkaji, persediaan untuk pengajaran berasaskan KBAT adalah bersifat sepanjang masa ke atas seorang guru. Hal ini kerana ia berkaitan dengan penguasaan ilmu yang dimiliki oleh guru. Sebagaimana murid-murid, guru juga membina kompetensi secara beransur-ansur melalui pengetahuan dan pengalaman (Darling-Hammond, 2008). Maka, kelemahan penguasaan bahasa, kefahaman dan kemahiran untuk mengaplikasi konsep KBAT dan isu penguasaan isi kandungan pelajaran boleh diatasi secara beransur-ansur melalui komitmen dan iltizam para guru untuk menambah pengetahuan.

Di samping itu, hal ini juga berkait rapat dengan isu kecukupan dan keberkesanan kursus serta latihan yang mereka terima. Para guru dalam sistem KBD/KBT perlu menerima latihan dan kursus yang secukupnya khusus untuk melaksanakan pedagogi bagi merangsang pemikiran KBAT murid-murid. Guru perlu menguasai strategi berkaitan pedagogi dan penyampaian pengajaran seperti penstrukturran pengajaran, penyoalan, memberikan maklum balas dan permodelan untuk diaplikasikan terus dalam pengajaran. Maka, Institut Perguruan dan Bahagian Perkhidmatan dan Latihan Guru harus memperbanyakkan latihan dan kursus berbentuk amali kepada guru dalam perkhidmatan khusus bagi pengajaran berfikir. Keberkesanan kursus juga perlu dititikberatkan.

Kejayaan penerapan KBAT dalam sesi PdP bukan semata-mata bergantung kepada peranan guru sahaja. Namun demikian, murid juga perlu bersedia untuk pembelajaran aktif dan memberikan respons positif dalam pembelajaran. Dapatkan ini selari dengan pandangan al-Zarnuji (2004) dan kajian lepas oleh Sternberg (1987) dan Hamzah et. al (2018) yang menegaskan bahawa bukan guru sahaja yang perlu bertungkus-lumus mengembangkan daya fikir murid, tetapi di pihak murid juga perlu berusaha ke arah yang sama. Dalam konteks kajian ini, guru boleh mengajak murid-murid berfikir dengan mengolah corak pengendalian kelas ke arah galakan berfikir secara kritis dan kreatif. Walaupun sasaran pengajaran kepada murid berprestasi rendah, namun kebijaksanaan guru memanipulasi pengalaman sebelum yang dimiliki murid dapat membantu murid menghubungkait pelajaran dengan kehidupan harian mereka. Maka, bermula dengan kebiasaan proses menghubungkait ini menjadikan murid selesa jika didorong kepada aktiviti fikir beraras tinggi sesuai dengan keperluan mendepani cabaran masa hadapan.

Kesimpulan

Kesimpuannya, kajian ini memaparkan kekangan yang dihadapi oleh para guru bagi melaksanakan penerapan KBAT dalam mata pelajaran KBD/KBT. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya mengadakan latihan berterusan bagi meningkatkan profesionalisme dalam kalangan guru KBD/KBT. Antara latihan yang boleh dianjurkan bagi meningkatkan kefahaman dan aplikasi pengajaran KBAT di kalangan KBD/KBT ialah seperti kursus peningkatan ilmu konten, bengkel pedagogi KBAT mengikut subjek, bengkel komunikasi Bahasa Arab dan sebagainya. Manakala, pihak sekolah pula atau Pejabat Pendidikan Daerah harus menyediakan akses kepada sumber. Cadangan untuk diwujudkan *one-stop centre* sebagai platform untuk berkongsi bahan berkaitan KBAT dalam kalangan guru-guru KBD/KBT. Platform ini boleh diakses oleh semua guru KBD/KBT, sama ada sebagai penyumbang bahan, atau ingin mencari bahan berkaitan. Terdapat juga keperluan kepada pihak pengurusan sekolah untuk merangka aktiviti-aktiviti yang mampu mendorong penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan warga sekolah. Diharapkan kajian ini menyumbang kepada pemerkasaan keberkesanan penerapan KBAT dalam pengajaran KBD/KBT di Malaysia.

Penghargaan

Terima kasih diberikan kepada Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Lembaga Peperiksaan, Institut Pendidikan Guru dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan kajian ini.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2007). Islamic Education teachers' perceptions of the teaching of akhlāq in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education* 36(3): 371-386.
- Ab. Halim Tamuri. (2015). Standardization of Islamic Education excellence in the world. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(2): 109-120.
- Ab. Halim Tamuri. (2016). Keberkesanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Mohd Farid Mohd Shahran & Nor Hartini Saari (pnyt.). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran*, hlm. 1-30. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Darling-Hammond, L. (2008). Teacher Learning that Supports Student Learning. Presseisen, B. Z. *Teaching for Intelligence Second Edition*. USA: Corwin Press.
- Fisher, R. (2007). Dialogic teaching: developing thinking and metacognition through philosophical discussion. *Early Child Development and Care* 177 (6-7): 615-631.
- Haddad, F. S. (1974). An early Arab theory of instruction. *International Journal of Middle East Studies* 5(3): 240-259.
- Hamzah, M. I., Zhaffar, N.M. & Razak, K. A. (2018). Barriers in Teaching Critical Thinking in Islamic Education. *Creative Education*. 9: 2350-2356.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil & Siti Apipah Munirah Salleh. (2018). Pelaksanaan Bahasa Arab dalam Pelaksanaan

- Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* (2018): 644-656.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons.
- Mohd Sani Badron. 2009. Zaman ledakan maklumat dan kemajuan pengetahuan dalam kerangka pandangan hidup Islam. *AFKAR* 10: 83-108.
- Norasmhani Nor, Nur Sofia Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya. *Proceeding of 7th International Seminar on Regional Education (1)*, Pekan baru Riau Indonesia: 361-375.
- Rosnani Hashim, Suhailah Hussien & Juhasni Adila Juperi. (2014). The *Hikmah* (Wisdom) Program: A Philosophical inquiry for the teaching of Islamic education in Malaysia. Dlm. Sa'eda Buang & Phyllis Ghim-Lian Chew. *Muslim Education in the 21st Century*. New York: Routledge.
- Sternberg, R. J. (1987). Teaching critical thinking: eight easy ways to fail before you begin. *The Phi Delta Kappan* 68(6): 456-459.
- Strauss, A & Corbin, J. (1998). *Basics of Qualitative Research : Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. Thousand Oaks: Sage Publication, Inc.
- Suhailah Hussien. (2007). Critical pedagogy, islamisation of knowledge and muslim education. *Intellectual Discourse* 15(1): 85-104.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2007). *Budaya Ilmu: Satu Penjelasan*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Al-Zarnuji, Burhan al-Islam. (2004). *Ta'lim al-Muta'alim Thariq al-ta'llum*. Sudan: Al-Dar Al Soudania for Books.